

19 JUN 1999

Mahkamah-Anwar (Haniff)

HANIFF ARAH SIASATAN LANJUT MENGENAI KEGIATAN SEKS ANWAR

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Bekas Ketua Polis Negara Tun Haniff Omar memberitahu Mahkamah Tinggi di sini hari ini, beliau mengarahkan pengarah Cawangan Khas ketika itu menjalankan siasatan terperinci mengenai kegiatan seks yang dikatakan membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau mengeluarkan perintah itu walaupun Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak mempercayai laporannya tentang Anwar, kata beliau pada perbicaraan Anwar dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja yang menghadapi tuduhan meliwat.

Haniff berkata beliau mengeluarkan perintah itu kerana mempercayai bukti kukuh yang diperolehi oleh Cawangan Khas mengenai pembabitkan Anwar dalam kegiatan seumpama itu

Anwar, bekas Timbalan Perdana Menteri dan bekas Menteri Kewangan, dan Sukma, pengusaha butik, masing-masing menghadapi tuduhan meliwat Azizan Abu Bakar di unit no. 10-7-2, Tivoli Villa, Jalan Medang Tanduk, Bangsar, di sini kira-kira 7.45 malam antara Januari dan Mac 1993.

Sukma menghadapi tuduhan tambahan bersubahat dengan Anwar melakukan kesalahan itu di tempat, masa dan tarikh yang sama.

Haniff, yang menjadi Ketua Polis Negara dari 1974 hingga 1993 berkata selain mengarahkan pengarah Cawangan Khas ketika itu, Datuk Zulkifli Abdul Rahman, meneruskan siasatan, beliau juga memberitahunya supaya memberitahu bakal penggantinya (Haniff) dan bekas pengganti Zulkifli mengenai perkara itu.

Bekas Ketua Polis Negara itu berkata Zulkifli juga hendak bersara ketika itu.

Ketika disoal oleh peguambela Karpal Singh, Haniff berkata beliau tidak membuat laporan polis mengenai maklumat yang diperolehinya kerana siasatan Cawangan Khas tidak memerlukan laporan polis.

"Apakah undang-undang untuk itu," tanya Karpal Singh.

"Undang-undang tidak terpakai, Kanun Prosedur jenayah (CPC) sekalipun tidak terpakai," kata Haniff, yang mempunyai ijazah undang-undang.

"Awak berkata peruntukan CPC tidak terpakai. Jadi...apa yang terpakai, awak kan seorang profesional dan seorang peguam," kata Karpal Singh.

Belumpun sempat Haniff menjawab, Hakim Datuk Arifin Jaka berkata:

"Karpal, apabila awak mengemukakan soalan, jangan menyentuh perkara lain.

Ini menimbulkan pertikaman lidah antara beliau dan Karpal Singh.

Perbalahan ini mendorong Hakim Arifin mengeluarkan kenyataan bahawa kedua-dua harus berdiam diri dan mendengar apa yang hendak dikatakan oleh Haniff.

Haniff berkata walaupun mengetahui kegiatan itu yang dikatakan membabitkan Anwar, beliau tidak mendapat pengesahan secara peribadi sama ada semasa tempoh bercuti selama tiga bulan sebelum bersara pada 1993 atau membuat kenyataan akhbar mengenainya pada September tahun lalu.

Haniff juga mengaku beliau tidak menyampaikan maklumat itu kepada sesiapa selain perdana menteri sehingga 1997 apabila perkara itu timbul semula.

Terdahulu, Haniff, yang kini timbalan pengerusi Genting Group Bhd menafikan yang beliau memanggil persidangan media di pejabatnya di Wisma Genting di sini untuk membuat kenyataan menyokong pendedahan Dr Mahathir mengenai kegiatan seks yang dikatakan membabitkan Anwar.

Haniff berkata beliau tidak melihat atau membaca kenyataan Dr Mahathir mengenai perkara itu yang disiarkan dalam akhbar-akhbar pada 23 Sept kerana

beliau tidak membaca akhbar.

Bagaimanapun, apabila wartawan datang ke pejabatnya, beliau diberitahu oleh seorang daripada pegawainya bahawa mereka mahu beliau membuat kenyataan kerana Dr Mahathir telah menyebut namanya dalam persidangan media mengenai perkara itu.

Ketika disoal lagi oleh Karpal Singh, Haniff berkata sebagai pengarah lima syarikat lain, beliau memperolehi pendapatan kira-kira RM100,000 sebelum.

"Apakah relevannya soalan ini?" tanya Hakim Datuk Arifin Jaka.

"Saya hendak memeriksa kredibiliti saksi ini. Saya memohon Yang Arif memberi pertimbangan," kata beliau.

Terdahulu, semasa pemeriksaan balas oleh Christopher Fernando selaku peguambela utama Anwar, Haniff membuat pembedaan dan berkata Zulkifli sebenarnya memberitahu beliau bahawa Anwar mempunyai hubungan dengan tiga orang termasuk dua orang yang menurut beliau mengadakan "hubungan seks".

Seorang daripada mereka ialah Sukma sementara seorang lagi bernama Mior, kata beliau.

Haniff juga mengesahkan keterangannya semalam bahawa beliau memberitahu Anwar supaya menghentikan apa yang dilakukannya dan bahawa Anwar telah bertanya sama ada beliau akan diperas ugut oleh pegawai polis.

"Saya membuat anggapan bahawa anda berbohong," kata Fernando.

Saksi itu juga menafikan yang beliau-lah yang orang yang hendak menemui Anwar di kediaman rasminya (Anwar) untuk memberi amaran mengenai musuh-musuh politiknya kerana Anwar, pada 1993, berhasrat untuk bertanding bagi jawatan timbalan presiden Umno.

Haniff juga menafikan yang beliau memberitahu Dr Mahathir bahawa Cawangan Khas dan para pegawai kanan polis dalam pasukan polis berasa kurang senang dengan Anwar kerana pandangannya tentang Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) dan juga latarbelakangnya sebagai bekas pemimpin Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Perbicaraan disambung pada Isnin.

-- BERNAMA

RA AHH FAZ